

14 JUL 1998

Mahathir-Yakin

MAHATHIR YAKIN MALAYSIA DAPAT ATASI MASALAH EKONOMI

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin Malaysia dapat mengatasi masalah ekonomi yang melanda negara sekarang.

Katanya, keyakinan itu disandarkan kepada perpaduan rakyat dan sokongan bulat mereka kepada kerajaan.

"Saya percaya kalau dengan sokongan ini, apabila kerajaan membuat satu-satu keputusan, akan ada kritik, tetapi majoriti akan menyokong kerajaan dan dengan itu tindakan kerajaan akan lebih berkesan.

"Inilah harapan saya iaitu dengan meneruskan sokongan kepada kerajaan dan tidak mencetuskan huru-hara, rusuhan, mogok dan sebagainya, kita akan dapat mengatasi masalah yang kita hadapi ini," katanya dalam program Wawancara Khas bersama Perdana Menteri terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM), malam ini.

Anggota panel wawancara itu terdiri daripada Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Bandaraya Kuala Lumpur (WP) Syed Amin Al-Jefri selaku moderator, Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Prof Hamdan Adnan dan Ketua Pengarang Berita akhbar The Star, Chua Yew Kay.

Dr Mahathir berkata, perpaduan dan sokongan padu rakyat kepada kerajaan amat penting kerana ia memudahkan kerajaan membuat keputusan dan mengambil segala tindakan yang perlu bagi mengatasi kegawatan ekonomi sekarang.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yang tidak yakin dengan sokongan majoriti rakyat bukan sahaja tidak dapat bertindak, malah takut untuk bertindak kerana bimbang ada pihak akan menyerang mereka.

"Alhamdulillah di Malaysia, rakyat Cina, Melayu, India, Kadazan, Murut, Bajau, semuanya menyokong kerajaan. Dengan itu kita berani, umpamanya kita berani menolak cadangan supaya kita menerima bantuan IMF.

"Kita berani sebab kerajaan kuat dan rakyat sokong kerajaan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia mempunyai wang yang cukup untuk membiayai pembangunan dan perbelanjaan negara kalau ia mengadakan Belanjawan defisit.

Beliau berkata, Belanjawan defisit perlu kerana pendapatan negara kini menjadi kurang disebabkan kerajaan tidak lagi dapat memungut cukai yang banyak daripada keuntungan syarikat-syarikat di negara ini.

Katanya, kerajaan terpaksa meminjam wang dari luar kerana itu sahaja cara bagi menampung keperluan kewangan sama ada untuk kerajaan mahupun untuk pembangunan ekonomi oleh pihak swasta.

"Kita tidak ada jalan lain melainkan meminjam. Kalau kita cuba keluarkan, kita cetak lebih banyak wang, itu akan menyebabkan nilai Ringgit kita jatuh," katanya.

Dr Mahathir berkata, kejatuhan nilai ringgit sekarang tidak ada kena mengena dengan kerajaan sebaliknya disebabkan oleh kegiatan perniagaan matawang yang boleh menaikkan nilai sesuatu matawang jika ia dibeli dan menjatuhkan nilainya jika dijual.

Kerajaan tidak pernah menjatuhkan nilai ringgit kerana jika hendak berbuat demikian, ia perlu mengisytiharkan melalui warta bahawa nilainya dikurangkan.

Beliau tidak faham kenapa ada pihak menyalahkan kerajaan berkenaan kejatuhan nilai ringgit.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia memilih untuk tidak meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana ia tidak menjamin pemulihan ekonomi.

"Kita lihat sebenarnya apabila negara-negara lain meminta pertolongan IMF keadaan menjadi lebih buruk. Umpamanya di Indonesia, di waktu Indonesia meminta pertolongan IMF, rupiah telah jatuh daripada 2,500 rupiah kepada satu dolar Amerika kepada 3,600.

"Apabila mendapat "so-called" (apa yang dikatakan) pertolongan daripada IMF, nilai rupiah mula-mula kuat sedikit 3,200 kepada satu dolar Amerika, tetapi kemudian jatuh dengan begitu teruk sehingga sampai kepada 16,000 rupiah kepada satu dolar Amerika," katanya.

Perdana Menteri berkata, won Korea juga mengalami nasib yang serupa selepas mendapat bantuan IMF.

"Jadi kerana itu, kita tidak nampak apa sebabnya yang kita harus meminta pertolongan daripada IMF kerana pertolongan itu tidak menjamin kekuatan ringgit kita.

"Sebaliknya kita cuba berusaha sendiri dan keadaannya tidaklah sebegitu buruk seperti sesetengah negara yang meminta pertolongan daripada IMF," katanya.

Mengenai insentif kerajaan mengecualikan cukai kepada rakyat negara ini yang membawa pulang wang yang disimpan di luar negara beliau berkata, setakat ini tidak banyak yang berbuat demikian mungkin kerana mereka bimbang disoal oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Katanya, kerajaan cuma meminta mereka yang berkenaan melaporkan jumlah wang yang dibawa balik bagi memudahkan kerajaan mengetahui jumlah wang yang akan dikecualikan cukai apabila ia digunakan untuk perniagaan.

Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), yang ditubuhkan Januari lepas telah membuat beberapa cadangan yang telah dilaksanakan sebagai tindakan kerajaan dan bukannya tindakan MTEN.

"MTEN cuma bagi pendapat kepada kerajaan. Umpamanya satu daripada keputusan MTEN ialah supaya segala dagangan Malaysia hendaklah dibuat dalam matawang rakan dagang kita, tidak dengan menggunakan dolar Amerika," katanya.

Keputusan-keputusan MTEN yang lain yang telah dilaksanakan oleh kerajaan termasuklah perjanjian bayaran dua hala di antara Malaysia dengan negara Asean dan penubuhan syarikat Pengurusan Dana Harta Nasional Bhd bagi menangani masalah pinjaman tidak berbayar oleh syarikat-syarikat di negara ini.

"Banyak keputusan MTEN telahpun dilaksanakan tetapi kita tidak hebohkan sangat kerana ada kekhuatiran kalau kita buat sesuatu yang tidak disukai oleh peniaga mata wang asing ini, mereka menggunakan itu sebagai alasan untuk menekan turun nilai ringgit dan juga menjual saham kita supaya saham kita jatuh lagi," katanya.

Perdana Menteri meminta rakyat negara ini supaya bijak berbelanja dengan membeli barangan buatan tempatan dan pada masa yang sama juga bijak menabung iaitu dengan menyimpan wang di bank agar wang itu dapat digunakan bagi faedah ekonomi negara.

Rakyat sebagai pengguna di negara ini mempunyai peranan yang cukup besar kerana tindakan mereka amat mempengaruhi harga di pasaran dan oleh itu mereka harus mengkaji secara mendalam sebelum mengambil sesuatu tindakan.

"Kita perlu pengguna menjadi satu "force" untuk menjaga kestabilan ekonomi negara dalam kegawatan ekonomi ini dengan tidak mengambil tindakan secara tidak bertanggungjawab," katanya.

-- BERNAMA

AFY NMO